UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA

DATO SERI DATIN PADUKA

DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI

DI MAJLIS PENYAMPAIAN BUNGKUSAN HARI RAYA

KEPADA WAKIL ANGKATAN TENTERA DAN POLIS

DI DEWAN BANQUET, BANGUNAN PARLIMEN

PADA HARI ISNIN, 18HB. MEI, 1987

PUKUL 9.00 PAGI

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Dif-dif Kehormat;

Ketua-ketua dan Wakil-wakil
Pertubuhan-pertubuhan Wanita;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Saya mengucapkan selamat datang dan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian yang sudi hadir pada pagi ini untuk menyaksikan Majlis Penyampaian Bungkusan Hari Raya kepada wakil Angkatan Tentera dan Polis, yang diadakan pada bulan Ramadhan yang mulia ini.

2. Bungkusan Hari Raya ini adalah untuk 22,600 orang anggota pasukan keselamatan kita yang akan bertugas pada Hari Raya di seluruh negara. Mengenangkan jasa dan pengorbanan mereka untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara, maka pertubuhan-pertubuhan wanita di sekitar Kuala Lumpur khasnya, merancang untuk mengadakan Projek Bersama Bungkusan Hari Raya ini. Oleh kerana pasukan

...keselamatan/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

keselamatan terdiri daripada berbilang kaum dan agama dan bertugas untuk semua rakyat Malaysia maka pertubuhan-pertubuhan wanita sedemikian rupa dijemput menyertai Projek Bersama ini.

3. Sebanyak lima-puluh lima pertubuhan wanita telah dijemput pada bulan Mac lalu dan sebanyak tiga puluh lima telah memberi sambutan spontan untuk menyertai Projek Bersama ini. Mereka mewakili badan-badan profesyenal, agama, politik, kebajikan, kelab-kelab perkhidmatan, sukan dan belia, termasuk Persatuan-persatuan Pandu Putri.

4. Saya sungguh gembira dengan sambutan puan-puan sekalian. Ini membuktikan bahawa

...wanita/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

wanita Malaysia dari berbagai keturunan, agama dan kedudukan boleh berganding bahu dan bekerjasama untuk menjayakan sesuatu projek yang murni dengan penuh persefahaman dan persaudaraan.

5. Saya amat bangga atas usaha semua pertubuhan yang mengambil bahagian dan ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada mereka yang menghulurkan tangan dan tenaga untuk menjayakan projek ini. Perasaan ragu-ragu pada mulanya, mungkin kerana kesukaran wang, telah diketepikan dan akhirnya mereka dapat juga menyertai projek ini demi membalas budi pasukan keselamatan kita.

...Para/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Para hadirin sekalian,

6. Pada tahun-tahun yang lalu, BAKAT dan PERKEP, iaitu Badan Kebajikan Isteri-isteri Tentera dan Polis sahaja yang mengaturkan kiriman bungkusan Hari Raya secara tertentu kepada pasukan keselamatan. Hanya beberapa pertubuhan wanita sahaja yang mengirim bungkusan Hari Raya secara bersendirian. Walaupun demikian, mereka tidak dapat mengirim kepada semua anggota keselamatan yang bertugas di seluruh negara mungkin kerana ini melibatkan perbelanjaan yang besar. Projek Bersama pada hari ini memberi peluang kepada banyak persatuan wanita dan beliawanis menyumbangkan serunding daging, kuih baulu, agar-agar kering dan omopodi

...serta/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

serta kad-kad Hari Raya kepada 22,600 anggota keselamatan yang menunggu.

7. Hari ini ialah kemuncak Projek Bersama ini. Jawatankuasa Induk dan Tindakan mula bermesyuarat pada 16 Mac dan, setelah dipersetujui cara menyelenggarakan Projek ini, tiap-tiap persatuan wanita yang menyertainya telah bertindak secara bersendirian dan membawa hasil sumbangan mereka itu ke Dewan yang mulia ini pada 15 Mei. Ahli-ahli persatuan mula membungkus jenis-jenis makanan pada 16 dan 17 Mei, secara bergiliran pagi dan petang. Setelah bertungkus lumus selama tiga hari mereka telah berjaya menyediakan 22,600 bungkusan makanan. Mungkin kita tidak pernah melihat

...begitu/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

begitu ramai wanita berbilang kaum dan kedudukan berganding bahu dan bertugas dalam 'kilang' yang mulia ini.

8. Sebagai wakil pertubuhan wanita dan beliawanis, saya harap sumbangan kami yang tidak sepertinya ini dapat disampaikan kepada Angkatan Tentera dan Polis yang bertugas di kawasan operasi masing-masing dengan ucapan Selamat Hari Raya dan doa semoga Tuhan mengurniakan kesejahteraan dan perlindungan kepada mereka semua. Sebentar lagi, setiap wakil persatuan wanita akan menyampaikan bungkusan mereka kepada wakil Angkatan Tentera dan Polis sebagai tanda penyertaan mereka yang ikhlas.

...Saya/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

9. Saya berharap anggota pasukan keselamatan yang menerima bungkusan kami ini akan sudi memberi maklumbalas sekiranya bahan-bahan dalam bungkusan tidak memuaskan supaya dapat diambil perhatian dan tindakan pada masa hadapan.

Ladies and Gentlemen.

10. This Project would not have materialised without the help and support of many kind people to whom I am most grateful and who contributed to the success of this Joint Project. My personal gratitude and the appreciation of the Organizing Committee go to the following:

...To the/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

a) To the generous donors who gave financial help through various participating organizations;

b) To Datuk Azizul Rahman for allowing the use of this Banquet Hall in Parliament Building for the past three days and assisting us to organize the arrangements of tables and chairs. The Parliament Building was chosen not only because of this hall but also because of the large parking space for trucks, vans and cars that will carry the boxes away;

...To the/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

c) To the Officers and Staff of the Ministry of Defence and the Royal Malaysian Police for manning the collection centres here in the Parliament Building;

d) To PERTAMA for taking the responsibility of designing and donating 22,600 Hari Raya cards bearing the list of womens' organizations that participated;

e) To the Girl Guides throughout the country who also created special individual Hari Raya cards for each member of the Armed Forces and Police. Their effort is exemplary

...and/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

and they should be congratulated and applauded;

f) To the Prime Minister's Department for giving us administrative assistance and full support for this Project;

g) To Yang Berbahagia Tan Sri Fatimah Hashim who ably chaired the Main and Action Committees during my long absence;

h) To BAKTI for giving me their full support and taking over some administrative functions. I am particularly grateful to Datin

...Endun/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Endun, Toh Puan Dr. Aishah Ong and Datin Faridah for their deep involvement in this project;

i) To the ladies and gentlemen of the Press, RTM and TV3 who covered the events that culminated in today's function; and

j) To all participating women's organizations.

11. This Project would not have been successful without the participation of womens' organizations in Kuala Lumpur. Your spontaneous response and genuine desire to show your appreciation to our Armed Forces

...and/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

and Police contributed to the success of this Project today. Your contribution and ideas from the first day we met in Sri Perdana gave me full confidence that the main objective of this Project would be fulfilled. The contribution of your own efforts towards this Joint Project of sending Hari Raya packages to members of the Armed Forces and Police is more than just charitable work. It is our duty to realize, appreciate and be grateful that the peace and happiness that we are experiencing this very moment is due to the efforts of our men out there in the jungle and seas who are defending this beautiful and blessed country of ours. The money and efforts we put in for this Joint Project is nothing compared to what they sacrificed for

...us/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

us and for our children. Nevertheless, you cared and that is the essence of this Joint Project. May the Almighty bless you for caring and for giving your full support to this Joint Project.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Saya berharap Projek Bersama ini akan berterusan pada tahun-tahun hadapan dengan penyertaan lebih banyak lagi persatuan-persatuan wanita dan beliawanis. Kami mungkin menjemput wakil-wakil diplomat dan masyarakat asing yang menetap di negara ini pada masa hadapan. Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan supaya tiap-tiap persatuan wanita dan beliawanis menetapkan

...peruntukan/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

peruntukan untuk Projek Bersama ini dalam anggaran belanjawan persatuan mereka pada setiap tahun supaya mereka dapat menyertai Projek Bersama ini dengan lebih berkesan.

13. Dalam apa juga rancangan yang baru, sudah tentu ada kesilapan ataupun perkara-perkara yang tidak diduga akan berlaku. Oleh itu, saya, selaku Penganjur dan Pengerusi Jawatankuasa Induk Projek Bersama Bungkusan Hari Raya yang pertama ini, memohon maaf sekiranya ada silap dan salah dalam persediaan bungkusan-bungkusan ini. Percayailah ia berlaku dengan tidak disengajakan.

...Saya/-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

14. Saya mengakhiri dengan doa semoga Allah Subhanahu Wataala akan memberkati usaha bersama kita kaum wanita dan beliawanis dan mendoakan juga semoga Allah memberi perlindungan dan keselamatan kepada semua anggota Angkatan Tentera dan Polis di mana juga mereka berada.

15. Saya bagi pihak tiga puluh lima pertubuhan wanita dan beliawanis dengan sukacitanya menyerahkan bungkusan-bungkusan Hari Raya ini kepada Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara untuk disampaikan kepada anggota Angkatan Tentera dan Pasukan Polis yang dimuliakan.

Selamat Menyambut Hari Raya.

Wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

****

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA